

KECENDERUNGAN GAYA PEMBELAJARAN MODEL DUNN DAN DUNN DAN  
MODEL HONEY DAN MUMFORD DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA  
MUDA FPTP DI UTHM

NURUL FARHANA MAZIAN BTE JAMIAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang manakah paling dominan di kalangan pelajar, mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan serta di antara pelajar lepasan diploma, pelajar lepasan matrikulasi dan pelajar lepasan STPM.. Seramai 295 orang responden yang terdiri daripada pelajar program Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan menggunakan persampelan rawak berlapis (kuota). Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala lima mata gaya pembelajaran model Dunn dan dunn, dan model Honey dan Mumford. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan Model *Rasch* dengan perisian Winstep 3.64.2. Data dianalisis menggunakan min, min logit dan ujian *Differential Item Functioning (DIF) Measure*. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.78. Dapatan kajian mendapati kategori Persekitaran adalah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh responden diikuti Kategori Teoris, Aktivistis, Reflektif, Pragmatis, Psikologikal, Fizikal, Sosiologikal dan Emosional. Tahap kecenderungan pelajar lebih tinggi bagi Model Honey dan Mumford (Min=3.95) berbanding Model Dunn dan Dunn (Min=3.71). Persekitaran, Sosiologikal, Psikologikal, Fizikal, Aktivistis, dan Reflektif menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina pelajar dan indikator gaya pembelajaran Emosional, Psikologikal, Aktivistis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kelayakan kemasukan pelajar.

## ABSTRACT

This study aims to determine the learning style is the most dominant among the students, to identify whether there are significant differences learning styles between genders and between students graduate diploma, graduate student matriculation and STPM students .. A total of 295 respondents from the students' degree program in the Faculty of Technology Management and Business University Tun Hussein Onn Malaysia using stratified random sampling (quota). This descriptive study and use of questionnaires with a five points scale model of learning styles Dunn and Dunn, and Honey and Mumford model. The data obtained are analyzed using the Rasch model with Winstep software 3.64.2. Data were analyzed using mean, mean logit and test Differential item functioning (DIF) Measure. Cronbach Alpha coefficient for this study was 0.78. The result showed that category learning environment is the dominant style practiced by the respondents followed by category theorists, activists, Reflective, pragmatic, Psychological, Physical, sociological and Emotional. Tendency of students to higher levels of Honey and Mumford model (Mean = 3.95) compared to Dunn and Dunn Model (Mean = 3.71). Environmental, sociological, Psychological, Physical, activists, and Reflective showed no significant differences based on gender and indicators of student learning styles Emotional, Psychological, activists, Reflective, theorist and pragmatist showed no significant differences based on student entry.

## KANDUNGAN

<b>PENGISYTIHARAN STATUS TESIS</b>		
<b>JUDUL</b>		
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>ii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Skop dan Batasan Kajian	10
	1.9 Definisi Operasional	10

1.10	Kerangka Konsep Kajian	12
1.11	Rumusan	12

## **BAB 2            KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Gaya Pembelajaran	14
2.2.1	Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)	14
2.2.1.1	Rangsangan Persekitaran	17
2.2.1.2	Rangsangan Emosional	18
2.2.1.3	Rangsangan Sosiologi	20
2.2.1.4	Rangsangan Fizikal	21
2.2.1.5	Rangsangan Psikologi	22
2.2.2	Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford (1992)	24
2.2.2.1	Aktivis	24
2.2.2.2	Reflektif/reflector	25
2.2.2.3	Teoris	26
2.2.2.4	Pragmatis	27
2.2.3	Model Gaya Pembelajaran Kolb (1984)	28
2.2.4	Model Gaya Pembelajaran VAK	29
2.2.5	Model Gaya Pembelajaran Canfield	31
2.3	Masalah Pembelajaran Pelajar	32
2.4	Pengajaran Pensyarah / guru	33
2.5	Minat	35
2.6	Beban Tugas Pembelajaran	36
2.7	Kemudahan Pembelajaran	37
2.8	Pencapaian Akademik	38
2.9	Sorotan Kajian Lepas	38
2.10	Rumusan	40

<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>41</b>
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka bentuk Kajian	41
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	42
3.3.1	Populasi	42
3.3.2	Persampelan	43
3.4	Lokasi Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	44
3.5.1	Borang Soal Selidik	44
3.5.2	Format Borang Soal Selidik	45
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	46
3.7	Kajian Rintis	47
3.7.1	Nilai Kebolehpercayaan dan Pengasingan Indeks	48
3.7.2	Item Polarity	50
3.7.3	Kesesuaian (fit) Item	51
3.7.4	Nilai Korelasi Residual Terpiawai dalam Menentukan Item Bersandar	52
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	53
3.8.1	Data Primer	53
3.8.2	Data Sekunder	54
3.9	Kaedah Penganalisan Data	54
3.9.1	Skor Min	56
3.9.2	<i>Differential Item Functioning (DIF) Measure</i>	57
3.10	Rangka Kerja Operasi	58
3.11	Rumusan	58
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>60</b>
4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Faktor Demografi Terpilih Responden	60
4.3	Analisis Dapatan Kajian Bahagian B	61
4.3.1	Gaya Pembelajaran Model Dunn dan Dunn dan	62

Model Honey dan Mumford	
4.3.1.1 Analisis Gaya Pembelajaran Model Dunn Dan Dunn Kategori Persekitaran	62
4.3.1.2 Analisis Gaya Pembelajaran Model Dunn Dan Dunn Kategori Emosional	63
4.3.1.3 Analisis Gaya Pembelajaran Model Dunn Dan Dunn Kategori Sosiologikal	65
4.3.1.4 Analisis Gaya Pembelajaran Model Dunn Dan Dunn Kategori Fizikal	66
4.3.1.5 Analisis Gaya Pembelajaran Model Dunn Dan Dunn Kategori Psikologikal	67
4.3.1.6 Analisis Gaya Pembelajaran Model Honey Dan Mumford Kategori Aktivis	68
4.3.1.7 Analisis Gaya Pembelajaran Model Honey Dan Mumford Kategori Reflektif	70
4.3.1.8 Analisis Gaya Pembelajaran Model Honey Dan Mumford Kategori Teoris	71
4.3.1.9 Analisis Gaya Pembelajaran Model Honey Dan Mumford Kategori Pragmatis	72
4.3.2 Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM model Dunn dan Dunn	75
4.3.2.1 Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Persekitaran	75
4.3.2.2 Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Emosional	76
4.3.2.3 Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Sosiologikal	77
4.3.2.4 Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Fizikal	78

4.3.2.5	Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Psikologikal	79
4.3.3	Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM model Honey dan Mumford	80
4.3.3.1	Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Aktivis	80
4.3.3.2	Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Reflektif	81
4.3.3.3	Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Teoris	82
4.3.3.4	Tahap Kecenderungan gaya pembelajaran Kategori Pragmatis	83
4.3.4	Tahap Kecenderungan di Antara Model Dunn dan Dunn dan Model Honey dan Mumford.	84
4.3.5	Perbezaan Gaya Pembelajaran Pelajar Mengikut Jantina	85
4.3.6	Perbezaan Gaya Pembelajaran Pelajar Mengikut Kelayakan Kemasukan	91
4.4	Kesimpulan	102
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>103</b>
5.1	Pengenalan	103
5.2	Perbincangan Kajian	103
5.2.1	Gaya Pembelajaran Paling Dominan	104
5.2.2	Tahap Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Dunn dan Dunn	105
5.2.3	Tahap Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Honey dan Mumford	107
5.2.4	Tahap Kecenderungan di antara Gaya	110



	Pembelajaran Model Dunn dan Dunn dan Gaya	
	Pembelajaran Model Honey dan Mumford	
5.2.5	Perbezaan Gaya Pembelajaran Pelajar Mengikut Jantina	111
5.2.6	Perbezaan Gaya Pembelajaran Pelajar Mengikut Kelayakan Kemasukan	112
5.3	Cadangan	114
5.4	Cadangan Lanjutan	116
5.5	Rumusan	117
	<b>RUJUKAN</b>	<b>119</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
	<b>VITA</b>	

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun dan memerlukan graduan yang cemerlang dalam bidang akademik. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan profesional agar turut sama-sama berganding membangun negara. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan tersebut, institusi pengajian tinggi seperti universiti, politeknik dan sebagainya telah menawarkan pelbagai bidang pengajian yang bersesuaian dengan kehendak negara termasuklah pengajian Pengurusan Teknologi dan Perniagaan. Pengurusan Teknologi dan Perniagaan merupakan salah satu cabang sistem pendidikan negara. Konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digunakan sebagai landasan untuk memilih matlamat, kaedah dan tujuan pendidikan. Program ini dilihat mempunyai objektif yang nyata. Pertama, sesuai dengan kehendak masyarakat serta negara, kedua memenuhi keperluan seseorang individu dalam masyarakat. Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) merupakan salah satu universiti yang menawarkan program Pengurusan Teknologi dan Perniagaan bagi melahirkan para graduan yang bakal bekerja sebagai seorang tokoh Korporat dan usahawan.

UTHM merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang melahirkan ramai graduan yang berjaya dalam bidang ini. Fakulti yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan PTP di UTHM ialah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP). FPTP merupakan fakulti yang telah berjaya melahirkan ramai graduan cemerlang setiap semester. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan di UTHM yang menjadi responden dalam kajian ini turut mempunyai latar belakang yang berbeza dimana mereka mempunyai latar belakang bidang pengkhususan kejuruteraan, perdagangan, teknologi dan sebagainya.

Pelajar merupakan individu yang berbeza di antara satu sama lain walaupun pada zahir nya mereka berada dalam tahap pembelajaran yang sama. Perbezaan ini merangkumi daripada aspek pemikiran, tindak balas, minat, kecenderungan, pencapaian dan pemahaman. Maka, setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran tersendiri untuk menerima dan bertindak balas serta menggunakan rangsangan dalam proses pembelajaran.

Tinjauan oleh Tinklin *et al.* (2000) menyatakan bahawa prestasi pelajar perempuan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki adalah suatu fenomena yang menyeluruh dan berlaku di banyak negara di dunia seperti di Scotland, England, Perancis, Jerman, Jepun, Australia, dan New Zealand. Di Jerman misalnya, markah yang dicapai oleh pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding dengan pelajar lelaki dan kebarangkalian pelajar perempuan meneruskan pendidikan ke tahap menengah atas adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Keadaan yang serupa turut berlaku di Malaysia, data daripada Mohd Jelas (2005) menunjukkan pelajar perempuan memperoleh prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam peperiksaan awam di peringkat sekolah rendah (UPSR), menengah rendah (PMR) dan menengah (SPM) dalam kebanyakan mata pelajaran terutamanya Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Matematik.

Namun begitu, kehidupan dan cara pembelajaran di universiti berbeza berbanding di alam persekolahan. Masing-masing berlumba untuk mencapai kejayaan dengan cara pelajar tersendiri untuk mencapai kecemerlangan. Ini disebabkan di universiti, pelajar perlu lebih berdikari dan bebas merancang pembelajaran dan bukan lagi menjadi tugas ibu bapa untuk menentukan jadual pembelajaran mereka.

Gaya pembelajaran merupakan salah satu elemen yang sangat penting bagi memastikan seseorang pelajar itu dapat belajar dengan baik. Kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan pelbagai faktor yang dikatakan mempengaruhinya untuk cemerlang. Antaranya termasuklah faktor keluarga, guru, sekolah dan paling penting adalah sikap pelajar itu sendiri. Faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah-sekolah Malaysia ialah faktor seperti keyakinan pelajar, status sosio-ekonomi keluarga, jantina, kedudukan sekolah, persekitaran sekolah dan pencapaian terdahulu yang pernah dicapai oleh pelajar tersebut mempunyai hubungan rapat dengan pencapaian pelajar. Secara amnya, gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikuti kecenderungan individu.

Terdapat pelbagai teori dan model gaya pembelajaran yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan yang dapat dipraktikkan dan dijadikan sebagai panduan oleh pelajar-pelajar masa kini. Namun begitu, pelajar perlu mengetahui kepelbagaian gaya pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka sendiri. Walau apa jua gaya pembelajaran yang dipilih sebaiknya mengikut yang dikehendaki. Ini bertujuan untuk menghasilkan satu proses pembelajaran yang berkesan kepada pelajar seterusnya menyumbang sesuatu perkara yang berkualiti kepada pendidikan negara kita.

Antara gaya pembelajaran yang ada ialah Dunn dan Dunn. Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa kajian yang dijalankan oleh beliau sejak berabad yang lalu mendapati strategi belajar bagi seseorang sangat berbeza di antara satu sama lain. Gaya pembelajaran ini boleh dikategorikan kepada lima kategori iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal. Beliau mendapati bahawa kaedah, sumber dan program yang disesuaikan dengan strategi pembelajaran seseorang pelajar dapat mempertingkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar dan membawa pelajar mencapai ke tahap yang lebih cemerlang.

Mengikut Honey dan Mumford (1992), proses pembelajaran berlandaskan kepada ilmu pengetahuan dan ia merupakan sepanjang hayat dan dalam proses pembelajaran tersebut pula ada beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh pelajar. Kecenderungan yang dimaksudkan ialah mengimbas kembali, membuat kesimpulan, mempelajari sesuatu berdasarkan pengalaman dan membuat implementasi.

Kajian oleh Bass dan Greary (1996) merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi seseorang individu mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya. Penggunaan kaedah atau gaya pembelajaran dapat membantu seseorang mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran. Gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenal pasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997). Pelajar yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Kajian berpanjangan (longitudinal) oleh Dunn dan Dunn (1978) menghasilkan satu model gaya pembelajaran dan mengenal pasti lima kategori gaya pembelajaran yang diamalkan oleh individu.

## 1.2 Latar belakang masalah

Pelajar merupakan golongan yang bakal menjadi harapan negara untuk meneruskan kecemerlangan pada masa akan datang. Namun, kecemerlangan hanya akan dapat dicapai oleh pelajar sekiranya mereka mengamalkan pembelajaran yang bersesuaian. Sebaliknya, jika gaya pembelajaran mereka tidak bersesuaian dan tidak berkesan semasa pembelajaran sudah pasti akan menyebabkan pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan. Perbezaan individu yang wujud dalam diri pelajar menyebabkan pensyarah sukar untuk memahami gaya pembelajaran yang diamalkan. Ini kerana faktor perbezaan pelajar mempengaruhi gaya pembelajaran yang diamalkan. Pelajar universiti memerlukan kemahiran pembelajaran yang betul untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang sebelum keluar bekerja. Sistem pembelajaran di unviversiti lebih membebankan dari segi aras kesukaran kerana ia akan mempelajari sesuatu ilmu dengan lebih mendalam dan teliti (Mohamed Zakaria, 2007).

Antara punca berlakunya kemerosotan pencapaian akademik para mahasiswa ialah mereka gagal menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di universiti, di samping tidak mempunyai gaya pembelajaran yang betul (Baharin Abu, 2000). Maka, untuk berjaya dengan cemerlang, adalah tidak cukup sekadar belajar sekiranya tidak mempunyai teknik, strategi dan mempraktikkan amalan yang tepat. Ini jelas menunjukkan betapa perlunya seseorang pelajar mengetahui gaya pembelajaran yang paling sesuai dengan diri sendiri terutamanya ketika menghadapi peperiksaan.

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2010), laporan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, KPT, didapati sebanyak 65.3 peratus pelajar wanita sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada sesi akademik 2010 berbanding dengan hanya 34.7 peratus pelajar lelaki. Jumlah pelajar yang mendaftar, sedang mengikuti pengajian dan telah bergraduasi adalah seperti dalam **LAMPIRAN A**. Sejajar dengan itu, fenomena pencapaian akademik yang berbeza di antara gender adalah ketara di kebanyakan IPTA di Malaysia. Ini secara tidak langsung turut mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik di antara gender di IPTA. Hakikatnya pencapaian akademik yang tinggi adalah dimonopoli oleh golongan para sisiwi di mana mereka sentiasa memperoleh keputusan yang lebih cemerlang berbanding dengan golongan para siswa.

Kekurangan maklumat dan pendedahan mengenai gaya pembelajaran pelajar juga mengakibatkan pensyarah tidak dapat membuat padanan dalam proses P&P. Masalah ketiadaan padanan di antara gaya pengajaran pensyarah dengan gaya pembelajaran pelajar boleh mengakibatkan pemindahan pembelajaran yang kurang sempurna.

Mohd Yusof (2002) menyatakan selain faktor kognitif, faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelajar memberikan pencapaian akademik yang terbaik adalah ketiadaan padanan yang sesuai dalam gaya pembelajaran pelajar dan pendekatan pengajaran pensyarah.

Sesetengah pelajar mempunyai corak pembelajaran yang dominan dalam diri mereka. Terdapat juga pelajar yang menggunakan kepelbagaian atau gabungan daripada beberapa gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran mereka. Namun sesetengah daripada mereka menghadapi masalah dalam mengaplikasikan gaya pembelajaran yang strategik dan bersesuaian dengan proses pembelajaran. Akibatnya pelajar memperolehi keputusan yang tidak memberangsangkan dalam pencapaian akademik disebabkan pengaplikasian gaya pembelajaran yang tidak berkesan diserap dan diguna dalam proses pembelajaran mereka. (Rashid Rasidah, 2007).

Menurut Santhi Suppiah (1998), perbezaan atau variasi seseorang individu dengan norma kumpulan, sama ada dalam sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial atau bakat sememangnya wujud dalam sesebuah kumpulan. Perbezaan dalam diri individu ini boleh dikesan melalui aspek perkembangan fizikal, mental, emosi, dan sosial. Kesannya, setiap individu pelajar mempunyai kecenderungan gaya pembelajaran, strategi belajar dan kadar pembelajaran yang berbeza. Terdapat segelintir individu yang mempunyai gaya pembelajaran yang dominan dan ada yang menggunakan gaya belajar yang berbeza mengikut persekitaran.

Gaya pembelajaran berkaitan dengan tahap ingatan seseorang. Peratusan maklumat yang dapat disimpan atau diingati oleh individu mengikut gaya pembelajaran yang berbeza. Pembelajaran melalui menyebut dan membuat, tahap ingatan terhadap pembelajaran baru adalah paling tinggi iaitu sebanyak 90%. Ini diikuti cara menyebut semula sebanyak 70%. Cara melihat dan mendengar mencatat peratusan tahap ingatan sebanyak 50% manakala cara melihat hanya mencapai tahap ingatan sebanyak 30%. Cara mendengar dan membaca mencatat tahap ingatan yang rendah iaitu masing-masing sebanyak 20% dan 10% sahaja.

Kepelbagaian gaya pembelajaran ini harus dikenal pasti oleh para pengajar ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran supaya pengajar dapat membuat persediaan yang rapi dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan pengetahuan sedia ada pelajar sebelum memulakan sesi pengajaran.

Pensyarah harus membantu pelajar mengenal pasti gaya pembelajaran mereka dengan menyediakan tugas atau menggunakan kaedah mengajar yang melibatkan pelbagai gaya pembelajaran. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar akan dapat meningkatkan pencapaian dan keyakinan terhadap kebolehan mereka sendiri. Oleh itu, pensyarah harus menggunakan pelbagai kaedah atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza itu dapat belajar dengan berkesan dan mencapai objektif hasil pembelajaran.

Kajian lepas menjelaskan pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai model dan teknik pembelajaran. Sistem pendidikan di Malaysia masih kurang menekankan aspek teknik belajar secara formal (Abdul Karim, 2003). Menurutnya lagi, kebanyakan pelajar mempelajari teknik atau kemahiran belajar secara kebetulan atau tidak langsung. Ini kerana pelajar tidak mempunyai panduan yang khusus untuk menjalankan proses pembelajaran mereka. Pelajar mungkin berhadapan dengan masalah belajar jika tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai. Masalah akan berlaku apabila aktiviti dan gaya pengajaran pensyarah atau guru tidak sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar akibatnya pelajar akan merasa bosan dan tidak menumpukan perhatian. Seterusnya mereka akan hilang minat, berputus asa dan tidak mencapai keputusan yang baik (Abu Baharin, 2000).

### **1.3 Pernyataan masalah**

Kehidupan dan cara pembelajaran di universiti berbeza berbanding di alam persekolahan. Masing-masing berlumba untuk mencapai kejayaan dengan cara pelajar tersendiri untuk mencapai kecemerlangan. Ini disebabkan di universiti, pelajar perlu lebih berdikari dan bebas merancang pembelajaran dan bukan lagi menjadi tugas ibu bapa untuk menentukan jadual pembelajaran mereka. Pelajar yang dipilih ke institusi pengajian tinggi lazimnya adalah pelajar yang cemerlang dalam

peperiksaan awan di Malaysia ketika di sekolah. Oleh itu, rata-rata pelajar yang mengikuti pengajaran di institusi pengajian tinggi mempunyai pencapaian akademik yang baik sebelum ke universiti. Dengan itu, penyelidik ingin mengenalpasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan diantara gaya pembelajaran pelajar lepasan matrikulasi, pelajar lepasan diploma dan pelajar lepasan STPM.

Persoalan disini ialah bagaimanakah kita dapat mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai untuk seseorang individu dan seterusnya membolehkan seseorang mengeksploitasi gaya pembelajaran tersebut ke arah kaedah pembelajaran yang lebih berkesan dan dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran? Justeru itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP UTHM harus mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya bagi mencapai keputusan peperiksaan yang baik. Maka, kajian ini dibuat untuk mengkaji gaya pembelajaran di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), UTHM yang mempunyai latar belakang yang berbeza supaya langkah yang betul dapat diambil untuk memperbaiki situasi yang berlaku, di samping untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan dan prestasi akademik pelajar. Kajian ini dijalankan kerana kefahaman tentang gaya pembelajaran pelajar adalah penting untuk membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Menurut Ng. Sook Chin (2005), kajian tentang gaya pembelajaran pelajar adalah perlu dan kajian seumpama ini akan mencelikkan para guru dalam mengetahui gaya pembelajaran yang paling banyak diamalkan oleh para pelajar dan seterusnya meningkatkan minat pelajar dalam sesuatu subjek atau mata pelajaran dan membantu mereka dalam pembelajaran. Hal ini kerana, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar mempunyai kesan terhadap hasil pembelajaran yang seterusnya memberi impak ke atas pencapaian akademik pelajar.

#### **1.4 Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah :

- i. Menenal pasti gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM.



- ii. Menentukan tahap kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM mengikut elemen dalam model Dunn dan Dunn dan model Honey dan Mumford.
- iii. Menentukan tahap kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM di antara model Dunn dan Dunn dan model Honey dan Mumford.
- iv. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran di kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM mengikut aspek jantina.
- v. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran di kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM mengikut aspek kelayakan kemasukan.

### **1.5 Persoalan kajian**

Beberapa soalan kajian dihasilkan bagi membantu matlamat kajian ini:

- i. Apakah gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM?
- ii. Apakah tahap kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM mengikut kategori dalam model Dunn dan Dunn?
- iii. Apakah tahap kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM mengikut kategori dalam model Honey dan Mumford?
- iv. Apakah tahap kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM di antara model Dunn dan Dunn dan model Honey dan Mumford?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan diantara gaya pembelajaran di kalangan pelajar lelaki Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM dan pelajar perempuan Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM ?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan diantara gaya pembelajaran di kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM lepasan diploma, pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM lepasan matrikulasi dan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM lepasan STPM ?

## 1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis nul :

- (a) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran di kalangan pelajar lelaki ijazah sarjana muda FPTP di UTHM dan pelajar perempuan ijazah sarjana muda FPTP di UTHM.
- (b) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran di kalangan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM lepasan diploma, pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM lepasan matrikulasi dan pelajar ijazah sarjana muda FPTP di UTHM lepasan STPM.

## 1.7 Kepentingan kajian

Hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, terutamanya kepada pelajar dan pensyarah, serta pihak universiti. Khususnya hasil kajian ini dijangkakan dapat menyumbang kepada:

- i. Membantu pelajar mempelajari cara pembelajaran yang berkesan.
- ii. Memberi panduan kepada pelajar dalam menentukan strategi atau teknik pembelajaran yang bersesuaian.
- iii. Mendorong pelajar untuk meningkatkan prestasi belajar melalui amalan belajar yang betul .
- iv. Memberi panduan kepada pensyarah untuk memantapkan lagi pengajaran mereka supaya lebih bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar. Pensyarah dapat memahami kehendak belajar pelajar mereka dan menggunakan maklumat kajian ini dalam merancang bahan mengajar atau merekabentuk kurikulum bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya dan amalan belajar pelajar.
- v. Membantu fakulti mengesan masalah akademik pelajar dan memperbaiki persekitaran dan mutu pengajaran dan pembelajaran.
- vi. Membantu pihak universiti terutamanya kepada unit atau pusat kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di UTHM untuk merancang dan

melaksanakan aktiviti atau program yang meningkatkan kemahiran belajar dan mengajar untuk pelajar dan pensyarah..

### **1.8 Skop dan batasan kajian**

Kajian ini hanya melibatkan responden pelajar tahun 1 hingga tahun akhir Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM.

Rekabentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini dan menggunakan soalselidik berpandukan kepada tiga model gaya pembelajaran iaitu model Dunn dan Dunn dan Model Honey dan Mumford. Setiap model ini mempunyai kategori yang tersendiri. Lima kategori gaya pembelajaran Dunn dan Dunn iaitu Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Manakala, gaya pembelajaran Honey dan Mumford pula dikategorikan kepada empat jenis iaitu aktivis, reflektis, teoris dan pragmatis. Ciri-ciri pembelajaran yang berbeza memerlukan satu pendekatan pengajaran bersepadu yang mengambil kira perbezaan individu bukan saja dari segi gaya kognitif tetapi juga dari aspek-aspek lain.

### **1.9 Definisi operasional**

Kajian ini menggunakan definisi operasional berdasarkan kepada konsep atau model berikut.

(a) **Kecenderungan**

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), cenderung ialah menaruh minat iaitu keinginan, kasih dan sebagainya terhadap sesuatu, suka akan sesuatu atau melakukan sesuatu, menunjukkan kegemaran. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenalpasti kesukaan gaya pembelajaran pelajar yang diamalkan.

(b) **Pelajar**

Merujuk kepada Kamus Dewan edisi keempat (2007), pelajar ialah merujuk kepada sesiapa yang sedang atau dalam keadaan belajar. Pelajar yang

dimaksudkan ialah pelajar ijazah sarjana muda Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM yang dipilih secara rawak.

(c) Gaya

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), gaya ialah sikap, kesukaan, ketaksukaan dan cara berkelakuan yang menajdi ciri seseorang. Gaya yang dirujuk dalam kajian ini ialah tarikan atau dorongan pelajar yang memiliki arah yang berbeza bagi setiap individu.

(d) Pembelajaran

Kamus Dewan edisi keempat (2007) mentakrifkan pembelajaran sebagai proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan. Menurut pandangan ahli kognitif, pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkahlaku yang agak kekal. Manakala aliran behavioris pula berpendapat bahawa pembelajaran adalah perubahan dalam tingkahlaku, iaitu cara seseorang bertindak dalam suatu situasi. Dalam psikologi humanis pembelajaran dianggap proses yang dapat membantu seseorang mencapai sempurna sendiri dan nilai individu.

(e) Masalah

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), masalah diertikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Masalah yang dikaji dalam kajian ini merujuk kepada aspek penyampaian dan pengajaran pensyarah, minat dan sikap belajar pelajar dan penggunaan aktiviti dan sumber pembelajaran.


(f) Minat

Minat menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), minat adalah kecenderungan dan kesukaan manakala sikap merujuk kepada kesungguhan dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu. Minat ini dirujuk kepada minat responden kajian iaitu pelajar ijazah sarjana muda FPTV di UTHM terhadap gaya pembelajaran.

## (g) Pengajaran

Pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (Kamus Dewan, 2007). Di dalam kajian, pengajaran merujuk kepada proses pengajaran pensyarah yang dilaksanakan yang menghasilkan kesan pembelajaran di kalangan pelajar (Mok Soon Sang, 2001).

### 1.10 Kerangka konsep kajian



Rajah 1.1 : Kerangka konsep kajian

Rajah 1.1 di atas adalah kerangka konsep kajian yang telah diadaptasi daripada teori Model Dunn dan Dunn dan teori Model Honey dan Mumford. Terdapat lima kategori dalam Model Dunn dan Dunn iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal. Manakala kategori bagi Model Honey dan Mumford adalah aktivis, reflektif, teoritis dan pragmatis. Berdasarkan kedua-dua model ini, pengkaji mengkaji gaya pembelajaran yang paling dominan, perbezaan jantina, perbezaan kelayakan

kemasukan dan tahap kecenderungan gaya pembelajaran di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan di UTHM. Pengkaji turut membandingkan kecenderungan gaya pembelajaran di antara dua model ini.

### **1.11 Rumusan**

Bab ini telah menyatakan mengenai pengenalan, latarbelakang masalah yang ingin dikaji, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, lokasi kajian, definisi istilah, dan kerangka konsep dalam kajian ini. Penyelidik akan mengkaji gaya pembelajaran yang paling dominan dalam model Dunn dan Dunn dan model Honey dan Mumford di kalangan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan di UTHM. Penyelidik menggunakan kedua-dua model ini kerana item-item gaya pembelajaran adalah berbeza. Ia sejajar dengan kajian Penger Sandra dan Tekavcic Metka (2009) dimana analisis korelasi antara faktor-faktor yang diekstrak daripada kedua-dua teori gaya pembelajaran menunjukkan bahawa kedua-dua teori adalah bebas daripada satu sama lain. Selain itu, penyelidik turut melihat adakah perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan serta pelajar lepasan diploma dan pelajar lepasan matrikulasi. Penyelidik berharap hasil kajian ini dapat membantu para pelajar supaya dapat mengenalpasti gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka bagi meningkatkan prestasi akademik.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bahagian ini memberikan huraian literatur mengenai kajian ini. Huraian dibuat merujuk kepada dua model gaya pembelajaran iaitu Dunn dan Dunn dan Honey dan Mumford. Perbincangan bahagian ini merujuk kepada beberapa kajian lepas mengenai gaya pembelajaran menggunakan pelbagai jenis model gaya pembelajaran.

#### **2.2 Gaya pembelajaran**

Setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Gaya pembelajaran berbeza dari umur, aras pencapaian, budaya dan pemprosesan global atau analitik (Dunn & Stevenson, 1997). Jika gaya pembelajaran sesuai, sikap terhadap pembelajaran akan diperbaiki dan mempertingkatkan produktiviti, pencapaian akademik dan kreativiti. Oleh itu, pelajar perlu mengenal pasti gaya pembelajaran yang disukai agar dapat memberikan fokus yang lebih terhadap apa yang dipelajari.

Secara umumnya, gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001a). Gaya pembelajaran secara umumnya mempunyai empat aspek penting iaitu :

- (a) Setiap orang mempunyai satu gaya pembelajaran yang utama.
- (b) Semasa gaya pembelajaran tertakluk kepada perubahan, ia cenderung kekal agak konsisten sepanjang masa.
- (c) Gaya pembelajaran adalah tersembunyi dan ia akan menunjukkannya dalam pelbagai konteks dalam sekolah dan luar sekolah.

- (d) Tiada satu gaya pembelajaran adalah lebih baik daripada yang lain. Sebaliknya, satu gaya mungkin lebih berkesan atau kurang berkesan dalam situasi yang diberi.

Terdapat berbagai-bagai model gaya pembelajaran. Honey dan Mumford (1992) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkah laku belajar yang diamalkan oleh individu. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran adalah cara seseorang mula menumpu perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat yang sukar atau baru. Tujuan menguji gaya pembelajaran adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang paling berkesan bagi sesuatu individu, mengenalpasti gaya pembelajaran yang tidak ketara, mengenalpasti gaya pembelajaran secara tepat melalui instrumen tertentu, mengelakkan salah tafsir tingkah laku dan mengenali tanda-tanda tingkah laku tertentu. Terdapat pelbagai model gaya pembelajaran seperti yang dijelaskan dalam bahagian yang seterusnya. Kajian ini menggunakan model Dunn dan Dunn dan Honey dan Mumford untuk mengukur gaya pembelajaran responden kajian.

Dalam kajian ini, penyelidik memilih dua model gaya pembelajaran kerana setiap pelajar tidak terhad menggunakan satu gaya pembelajaran sahaja malah, terdapat pelajar yang menggunakan beberapa gaya pembelajaran ataupun menggunakan kesemua gaya pembelajaran bagi menyeimbangkan pembelajaran mereka. Namun, pengkaji telah memastikan terlebih dahulu setiap kategori di antara kedua-dua model gaya pembelajaran ini tidak mempunyai persamaan agar dapat menghasilkan dapatan kajian yang tepat melalui pembinaan item soal selidik.

### **2.2.1 Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)**


Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- (a) Kebanyakan individu mampu dan boleh belajar.  
(b) Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu.



- (c) Gaya pembelajaran individu akan bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran.
- (d) Iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dapat disesuaikan dengan gaya pembelajaran seseorang itu akan dapat mengoptimumkan proses pembelajaran.

Dunn dan Dunn (1978) mengkategorikan gaya pembelajaran kepada lima bahagian iaitu Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Model Dunn dan Dunn telah digunakan untuk mengkaji pelbagai jenis pelajar dari peringkat tadika sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Lima kategori ini mempengaruhi keupayaan seseorang individu terhadap persekitaran pembelajarannya. Rajah 2.1 di bawah menjelaskan elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978).



Rajah 2.1: Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (Dunn dan Dunn 1978)

Dunn dan Dunn mengenalpasti lima jenis rangsangan yang menghasilkan gaya pembelajaran yang berbeza iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal:

### 2.2.1.1 Rangsangan persekitaran

Rangsangan persekitaran merujuk kepada elemen-elemen cahaya, bunyi, suhu dan rekabentuk.

(a) Cahaya

Dunn dan Dunn mendapati cahaya memberikan kesan yang berbeza pada individu dan terdapat pelajar sangat sensitif terhadap cahaya. Kajian Dunn dan Dunn (1978) mendapati terdapat individu memerlukan persekitaran cahaya terang semasa belajar. Terdapat sebilangan pelajar yang gemar cahaya terang kerana pencahayaan yang samar akan membuatkan mata mereka cepat letih atau mengantuk. Ada pelajar yang tidak suka sinaran cahaya yang terlalu terang kerana Walau bagaimanapun, Tobias (1996) menyatakan bahawa terdapat pelajar tidak mengendahkan keperluan cahaya yang terang sewaktu belajar.

(b) Bunyi

Menurut kajian Dunn dan Dunn (1978), terdapat individu yang memerlukan bunyi seperti muzik di persekitaran mereka semasa belajar. Oleh itu, mereka akan memasang radio atau televisyen sewaktu belajar (terutamanya ketika larut malam) kerana bunyi dari radio atau televisyen akan dapat mengatasi suasana yang sunyi itu dan dapat memberi lebih kosentrasi terhadap pelajaran mereka. Bagi mereka yang suka belajar dalam suasana yang sunyi pula, mereka lebih gemar belajar bersendirian berbanding secara berkumpulan kerana perbincangan yang berlaku dalam kumpulan akan mengganggu kosentrasi mereka. Menurut Ibrahim Abu Samah (1995), didapati faktor persekitaran yang bising serta tidak menyenangkan boleh mengurangkan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka. Hakikat ini jelas menunjukkan bahawa suasana persekitaran yang berbeza akan melahirkan gaya pembelajaran yang berbeza. Kebanyakan pelajar memerlukan persekitaran yang sunyi dan senyap untuk belajar supaya untuk menumpu perhatian terhadap pelajaran mereka.

(c) Suhu

Setiap individu mempunyai tindak balas yang berbeza terhadap suhu persekitaran (Dunn dan Dunn, 1978). Proses pembelajaran adalah lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dalam suasana nyaman dan berhawa dingin. Suhu yang panas akan menyebabkan fikiran dan emosi seseorang terganggu dan cepat berasa mengantuk dan akan menyebabkan produktiviti seseorang. Namun, terdapat juga pelajar yang tidak dapat menumpukan perhatian dalam suasana yang sejuk hawa dingin.

(d) Rekabentuk

Gaya pembelajaran individu ditentukan oleh personaliti individu yang berbeza. Pelajar yang gemar belajar dalam keadaan formal memerlukan satu tempat yang khas untuk aktiviti pembelajaran mereka seperti sebuah meja dan kerusi. Golongan pelajar gemarkan keadaan formal amat berstruktur dan mempunyai personaliti introvert. Bagi pelajar yang suka belajar di tempat informal misalnya sebuah kerusi berkusyen, katil atau lantai, mereka dikaitkan mempunyai personaliti ekstrovert. Pelajar perlu tahu memilih tempat pembelajaran yang sesuai dan selesa untuk mereka memberikan kosentrasi terhadap pelajaran.

### **2.2.1.2 Rangsangan emosional**

Rangsangan emosional terdiri daripada elemen-elemen seperti motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur.

(a) Motivasi

Motivasi merupakan daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang dengan kecenderungan menyeluruh untuk bertindak pada masa tertentu. Apabila seseorang mendapat dorongan, dia akan mempunyai keinginan yang kuat untuk bertindak ke arah mencapai matlamat. Menurut Abd Aziz *et al.* (2006), motivasi mempunyai hubungan dengan amalan gaya pembelajaran pelajar. Pelajar yang mempunyai motivasi dalaman mengamalkan pembelajaran yang mendalam. Bagi pelajar yang memerlukan motivasi ekstrinsik, mereka selalu didesak atau digalakkan supaya bertindak

untuk mendapatkan ganjaran. Dalam pembelajaran, insentif diberikan dalam bentuk markah, gred, hadiah dan kedudukan dalam kelas. Pada akhir satu peringkat pembelajaran, keputusan peperiksaan yang baik, sijil dan surat akuan merupakan insentif yang mendorong pelajar supaya lebih berusaha dengan lebih tekun. Motivasi intrinsik juga penting untuk pelajar bagi memberikan dorongan dalaman kepada mereka untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran. Dorongan dalaman ini adalah seperti keperluan, minat, sikap dan emosi yang semulajadi ataupun berpandukan pengalaman serta kehendak persekitaran. Apabila pelajar sukar memahami dan memperoleh pengetahuan dalam sesuatu pengajaran, pelajar mudah kehilangan minat dan kurang memberi tumpuan.

(b) Kecekalan

Kecekalan penumpuan yang tinggi bagi seseorang individu dapat membantu pelajar belajar dalam tempoh masa yang panjang. Tahap kecekalan yang berbeza antara individu menyebabkan mereka memerlukan waktu dan tempoh masa rehat yang berbeza. Ada segelintir pelajar yang mudah hilang minat serta berasa bosan terhadap kerja kerana mereka hanya mampu menumpukan perhatian dalam jangka masa yang pendek sahaja. Ramai pelajar mempunyai perangai suka menangguk kerja terutama apabila tugas yang diberikan itu membosankan, sukar serta memerlukan usaha yang lama untuk menyiapkannya.

(c) Tanggungjawab

Individu yang ingin berjaya belajar perlu tekun bertanggungjawab. Pelajar yang mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap pelajarannya akan sentiasa melaksanakan tugasannya dengan inisiatif sendiri (Dunn dan Dunn, 1978). Namun begitu, masih terdapat lagi pelajar mengabaikan dan tidak menyiapkan kerja dengan baik.

(d) Struktur

Arahan yang jelas dan berstruktur mendorong pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan, namun begitu terdapat juga pelajar yang suka belajar dengan gaya bebas. Dunn dan Dunn (1978) mendefinisikan struktur sebagai suatu

peraturan spesifik yang digunakan untuk melaksanakan kerja dan menyiapkan tugas. Pelbagai jenis struktur yang berbeza yang diambil oleh pelajar bergantung kepada cara belajar setiap individu dan kebolehannya membuat keputusan.

### **2.2.1.3 Rangsangan sosiologi**

Rangsangan sosiologi terdiri daripada elemen-elemen seperti diri sendiri, berpasangan, berkelompok atau dengan rakan sebaya atau orang dewasa. Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara terus oleh guru kepada pelajar.

(a) Diri sendiri

Terdapat individu yang lebih suka belajar bersendirian dan tidak mahu gangguan sewaktu mereka belajar. Mereka merasakan lebih selesa bersendirian berbanding belajar bersama rakan sebaya kerana kurang gemar membuang masa untuk bercakap sesama rakan yang boleh menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan terhadap pelajaran.

(b) Berpasangan

Individu yang belajar secara berpasangan adalah individu yang lebih suka belajar dengan kehadiran individu rapat bersamanya. Ia melibatkan dua individu dalam proses pembelajaran. Pada kebiasaannya, pasangannya adalah teman paling karib dan mereka dapat berinteraksi secara dua hala apabila belajar bersama.

(c) Rakan sebaya

Pembelajaran dalam bentuk kumpulan pada kebiasaannya melibatkan lebih daripada dua orang rakan sebaya yang banyak melibatkan perbincangan, sumbangsaran dan perkongsian idea-idea tentang cara pembelajaran yang berkesan. Mereka saling bertukar pendapat dan berkongsi idea. Pembelajaran melalui kaedah ini biasanya lebih sering dilakukan oleh pelajar yang tinggal di asrama.

## (d) Orang dewasa

Bagi pelajar yang kurang selesa belajar dengan pelajar yang sebaya dengannya, mereka lebih selesa belajar bersama guru atau orang dewasa. Orang dewasa menjadi tempat untuk mereka menyoal atau mengemukakan soalan apabila menghadapi sesuatu masalah pembelajaran.

#### 2.2.1.4 Rangsangan fizikal

Rangsangan fizikal terdiri daripada elemen-elemen seperti persepsi, makanan, minuman, waktu belajar dan pergerakan.

## (a) Persepsi pancaindera

Pembelajaran merupakan satu proses yang bermula dengan penanggapan rangsangan yang diterima oleh pancaindera. Persepsi pancaindera merujuk kepada penggunaan variasi semua lima pancaindera sewaktu memproses dan mengingat maklumat oleh setiap individu. Model Dunn dan Dunn mendedahkan keperluan variasi cara belajar. Model beliau menekankan pembelajaran menggunakan kaedah untuk mengingat informasi iaitu secara visual, auditif, taktual dan kinestetik.

Belajar secara auditif akan membantu pelajar melalui pengeluaran bunyi sewaktu belajar supaya dirinya dapat mendengar dan mengingat. Pelajar lebih selesa belajar dengan mendengar kepada instruksi verbal iaitu mengingat dengan membentuk suara dengan kata-kata. Belajar secara visual ialah belajar melalui pengamatan kepada asosiasi visual yang kuat. Pelajar yang menggunakan kaedah visual lebih cenderung untuk membaca buku-buku yang dipenuhi dengan ilustrasi dan gambar. Kaedah belajar taktual adalah pembelajaran melalui sentuhan kerana penterjemahan serta penggabungan pembelajaran tidak akan berlaku tanpa menyentuh bahan yang ingin dipelajari. Pembelajaran menggunakan kaedah kinestetik pula adalah pembelajaran melalui melakukan aktiviti fizikal dan gerak kerja.

## (b) Makanan dan minuman

Terdapat individu belajar dengan lebih berkesan sekiranya mereka makan dan minum semasa belajar. Selain itu, tekanan ketika belajar dapat dikurangkan

melalui makan dan minum. Manakala terdapat pelajar yang kurang gemar makan sewaktu belajar tetapi akan makan selepas belajar kerana bagi mereka makan dan minum akan mengurangkan daya tumpuannya semasa menjalankan aktiviti pembelajaran.

(c) Waktu/tempoh belajar

Waktu belajar memainkan peranan membantu pelajar sama ada berasa lebih segar apabila belajar di waktu pagi atau gemarkan persekitaran yang sunyi dan tenteram di waktu malam untuk mendapat proses pembelajaran berkesan. Kepentingan waktu perdana mampu menyelesaikan tugas yang diberi. Waktu perdana sangat penting kerana ketika itulah pelajar akan dapat belajar dengan paling berkesan (Dunn dan Dunn, 1978). Waktu perdana ialah waktu bagi seseorang itu paling bertenaga untuk menyiapkan sesuatu tugas dengan baik.

(d) Pergerakan/mobiliti

Terdapat pelajar yang gemar beralih tempat duduk sekiranya belajar untuk jangka masa yang lama. Mereka perlu melakukan sedikit pergerakan dalam proses pembelajaran tersebut, misalnya bergerak untuk mendapatkan makanan, minuman, berpindah ke tempat lain bagi meneruskan pembelajaran dan sebagainya (Dunn dan Dunn, 1978). Dalam setiap proses pembelajaran, waktu rehat merupakan satu kemestian bagi setiap pelajar.

### **2.2.1.5 Rangsangan psikologi**

Rangsangan psikologi terdiri daripada elemen-elemen yang berikut iaitu analitik/global, impulsif/reflektif, dominan otak kiri/dominan otak kanan.

(a) Analitik/global

Pelajar analitik melakukan tugas secara terperinci dan lebih fokus dengan setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan. Golongan pelajar ini hanya melakukan satu perkara sahaja dalam satu masa. Berlainan pula dengan pelajar yang global kerana pelajar ini akan melihat sesuatu gambaran itu dengan lebih luas dan terbuka. Pelajar ini akan lebih cenderung untuk bekerjasama dalam bentuk berkumpulan berbanding secara individual.

Pelajar tersebut gemar melakukan banyak perkara dalam satu masa. Pelajar holistik melihat aspek secara meluas dan membuat rumusan secara menyeluruh.

(b) Impulsif/reflektif

Individu yang impulsif gemar membuat keputusan yang cepat dan sering mengikut gerak hati apabila melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, individu yang reflektif lebih berhati-hati semasa membuat kerja. Individu ini sangat prihatin dan berfikir mendalam sebelum melibatkan diri dalam proses pembelajaran.

(c) Dominan otak kiri/dominan otak kanan

Otak manusia terbahagi kepada dua bahagian iaitu otak kiri (HOKI) dan otak kanan (HOKA). Fungsi otak yang berbeza ini mempengaruhi gaya pembelajaran setiap individu. Otak kiri manusia mengawal tindakan manusia dari aspek bahasa, matematik, logik, sekuens, linear dan analisis. Manakala otak kanan pula berfungsi dalam aspek bentuk, ruang, lukisan, corak, holistik, rentak dan irama.

Model Dunn dan Dunn di atas menunjukkan individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza berdasarkan kecenderungan belajar individu tersebut. Gaya pembelajaran individu didapati bertindak balas dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sumber dan iklim. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sumber dan iklim yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran seseorang dapat mengoptimumkan proses pembelajaran dan prestasi belajar individu.

Menggunakan model Dunn dan Dunn, kajian Low Xin Xin (2003) mendapati bahawa kategori emosional merupakan gaya pembelajaran yang paling dominan oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah Sains Muar. Dapatan kajian menunjukkan motivasi yang diberi oleh keluarga, ibu bapa adalah penting untuk mendorong mereka berusaha lagi dalam pembelajarannya. Manakala kategori yang kurang diutamakan oleh pelajar adalah kategori sosiologikal. Hasil kajiannya juga mendapati pelajar lebih cenderung untuk belajar bersendirian berbanding dengan berkumpul kerana pelajar membazirkan masa



untuk bercakap sesama rakan dan tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya sekiranya belajar dalam kumpulan.

Berpandukan kepada kajian yang dijalankan oleh Yee Mei Heong (2002) pula, kategori Sosiologikal merupakan elemen yang paling dominan dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat yang mengikuti aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan, Johor. Kajian beliau mendapati ada masa pelajar suka belajar secara bersendirian tetapi ada kalanya suka bersama rakan. Sementara itu, kategori yang kurang diutamakan oleh pelajar adalah kategori fizikal. Pelajar adalah lebih cenderung dalam kaedah kinestetik dan visual tetapi lemah dalam auditif.

## **2.2.2 Model gaya pembelajaran Honey dan Mumford**

Menurut Honey dan Mumford (1992), gaya pembelajaran didefinisikan sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkah laku individu yang mengamalkannya. Honey dan Mumford (1983) membahagikan gaya pembelajaran kepada 4 kumpulan iaitu aktivis, reflektif, teoris dan pragmatis.

### **2.2.2.1 Aktivis**

Menurut Honey dan Mumford (1992), seseorang yang memiliki gaya pembelajaran Aktivis suka melibatkan diri secara aktif dan agresif dalam aktiviti pembelajarannya. Golongan pelajar ini biasanya mempunyai sikap tidak sabar dan tergesa-gesa. Ini adalah kerana perasaan ingin tahu yang tinggi terhadap perkara-perkara baru. Mereka juga gemar mencari pengalaman baru, sentiasa bersemangat, berfikiran terbuka, mempunyai motivasi diri yang kuat dan sentiasa mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah dengan sendiri. Pelajar dalam golongan ini cenderung melakukan sesuatu sebelum memikirkan kesan dan akibatnya. Mereka akan berusaha memenuhi masa harian mereka dengan membuat pelbagai aktiviti. Selain itu, pelajar dalam golongan ini suka melibatkan diri dalam kerja-kerja amali, sukan dan aktiviti kokurikulum. Individu yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis dikategorikan sebagai individu yang berminat kepada pengalaman dan 'obses' terhadap kaedah berpasukan. Mereka juga bersikap ingin mencuba sesuatu yang

baru. Kehidupan mereka adalah aktif dan sentiasa dipenuhi dengan aktiviti. Mereka berminat kepada pengalaman baru, yang mencabar tetapi mereka mudah merasa bosan terhadap peraturan yang terperinci. Individu ini biasanya bertindak dahulu sebelum mempertimbangkan kesannya. Mereka kebiasaannya menyelesaikan masalah melalui kaedah sumbangsaran.

Golongan pelajar ini tidak memerlukan dorongan daripada orang lain ataupun menunggu seseorang yang akan memberi dorongan kepadanya. Mereka lebih selesa untuk mengambil tindakan atas inisiatif sendiri. Individu aktivis merupakan seorang yang peramah dan suka bersosial tetapi aktiviti yang dilakukan sering tertumpu kepada persekitaran dirinya sendiri. Individu yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis mempunyai fikiran terbuka dan ingin mengambil tahu akan perkembangan terbaru dalam pembelajaran serta persekitarannya. Golongan aktivis adalah golongan yang kreatif dan mampu menghasilkan idea-idea serta jalan penyelesaian yang kreatif dan menarik dalam situasi-situasi pengajaran dan pembelajaran yang ditimbulkan oleh guru. Oleh kerana mereka ada banyak idea, guru perlu mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti sumbangsaran, perbincangan dan sesi buzz.

Gaya pembelajaran Aktivis dalam Honey dan Mumford (1992) bagi kajian ini mempunyai persamaan dengan Model Felder dan Silverman (1988) berdasarkan kepada ciri-cirinya. Sarmin (2004), dalam kajian menggunakan Model Felder dan Silverman, menyatakan bahawa pembelajaran dalam subjek kejuruteraan memerlukan pelajar mahir dalam penggunaan alatan dan bekerja secara berkumpulan kerana pelajar perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajarannya. Pelajar Aktivis akan belajar dengan lebih berkesan sekiranya mereka dapat melibatkan diri dengan pengalaman iaitu diberi kesempatan untuk menggunakan peralatan dan bekerja secara berkumpulan. Selain itu pelajar juga perlu bersikap aktif dengan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan.

#### **2.2.2.2 Reflektif/reflektor**

Individu yang mempunyai gaya pembelajaran reflektif/reflektor berminat dalam mengulas pengalaman dan suka membuat pemerhatian melalui pelbagai perspektif. Mereka akan mengumpulkan maklumat yang banyak dan menganalisis pengalaman

## RUJUKAN

- Abd Aziz Norlia, Meerah, T.S.M., Halim Lilia, & Osman Kamisah. (2006). Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan* 31 (2006): 123-141.
- Abdul Karim, S. (2003). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Di Dua Buah Sekolah Di Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Abdul Rahman, M.Z., & Seman, M. (2006). *Strategi penilaian pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab*. Universiti Malaya, 89-106
- Abu Baharin. (2000). *Teaching Effectiveness and Staff Professional Development Programmes in HEI in Malaysia*. The University of Birmingham, UK: Tesis Phd.
- Abu Baharin, Md Johan Othman, Syed Mansor, S.M., & Jaafar Haliza. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. VOT 71881
- Ahmad Amiruddin. (1999). *Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Dewasa Yang Meningkatkan Profesionalisme Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Ariffin S.R. (2008). *Inovasi dalam Pengukuran & Penilaian Pendidikan*. Bangi. Fakulti Pendidikan Malaysia. UKM.
- Bass, G.M. & Greay, W.T. (1996). Education Research Abstracts. *Accounting Education*, (1), 238-242.
- Biggs, J. (1999). *Teaching for Quality Learning at University*. Birmingham: The Society for Research into Higher Education and Open University Press.
- Biggs, J. (1987). *Student approaches to learning and studying*. Melbourne, Australia:

- Bronfenbrenner U. (1979). *The ecology of human development*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental measurement in the Human Science*. Ner Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2001). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Buang, N.A & Yap Poh Moi. (2002). Kesediaan Guru-guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan Dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran dan Sikap Terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi* 37(E). Universiti Teknologi Malaysia.
- Campbell, J. *et al.* (2001). Students' Perceptions of Teaching and Learning: the influence of students' approaches to learning and teachers' approaches to teaching. *Teachers and Teaching: theory and practice*. 7(2). 173-187.
- Canfield, A.A. (1977). *Learning Style Inventory Manual*. Plymouth: Humanities Inc.
- Chien, T.-W., Hsu, S.-Y., Chein, T., Guo, H.-R., & Su, S.B. (2009). Using Rasch Analysis to Validate the Revised PSQI to Assess Sleep Disorders in Taiwan's Hi-tech Workers. *Community Mental Health Journal*. 44:417–425.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur:Mc-Graw Hill Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur:Mc-Graw Hill Sdn. Bhd.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston. Virginia: Reston Publishing.
- Dunn, R. & Stevenson, J. (1997). Teaching Diverse College Students to Study within a Learning-Styles Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 333 – 339.
- Ee Ah Meng. (2003). *Psikologi Pendidikan II (Semester II)*. Edisi Kelima. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Effandi. (2005). *Keberkesanan Pembelajaran Matematik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) Dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik)*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana. Tidak diterbitkan.

- Emat Yahaya. (2005). *Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Felder, R.M. & Silverman, L.K. (1988). Learning and Teaching Styles in Engineering Education. *Engineering Education*, 78: 674-681.
- Fink, A., & J. Kasecoff. (1985). *How to Conduct Survey. A Step by Step Guide*. London: SAGE Publication.
- George, Darren & Malerry, Paul (2009). *SPSS For Window Step By Step: A Simple Guide and Reference 16.0 Update.9th Ed. (pp.231)*. United States of America: Pearson Education Inc.
- Glen, Jerrold S. (1991). *Your Personal Stress Profile and Activity Workbook*. Madison: Brown & Benchmarki.
- Hashim Shahrin & Bailun Herdy. (2009). *Perbandingan Faktor–Faktor Yang Mempengaruhi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Antara Sekolah Di Bandar Dan Luar Bandar*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Honey, P. & Mumford, A. (1983). *Using Your Learning Styles*. Maidenhead: Peter Honey.
- Honey, P. & Mumford, A (1992). *The Manual of Learning Style*. (2nd ed.), United Kingdom: Peter Honey.
- Honigsfeld, A. & Schiering, M. (2004). Diverse Approaches to the Diversity of Learning Styles in Teachers Education. *Educational Psychology*, 24(4): 487 – 507.
- Ibrahim Abu Samah .(1995). *Keselesaan Dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Sumber Manusia Di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Noraini *et al.*(2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan* . Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ihkasan, M.N., & Sapar Hazwani. (2007). Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn. *Seminar Penyelidikan Pendidikan*. Institut Perguruan Batu Lintang. ms 1-17.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pengajian Tinggi. (2010), *Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Bab 2*. Kementerian Pengajian Tinggi. pp 11-16.
- Kolb, David A. (1984). *Experiential Learning*. Englewood cliffs. New Jersey: Prentise Hall, Inc.
- Krejcie, Morgan. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychology Measurement.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London : Wiley And Soms Inc.
- Lim Tzyy Chyun. (2008). *Hubungan Antara Pendekatan Pengajaran Guru Dengan Pendekatan Pembelajaran Pelajar Mata Pelajaran Kimia Tingkatan Empat*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana. Tidak Diterbitkan.
- Linacre, J.M. (2007). *A user ' s guide to WINSTEPS Rasch-Model Computer Programs*. Chicago: MESA Press.
- Linacre, J. M. (2010). *WINSTEPS Rasch measurement computer program*. Chicago: Winsteps.com
- Low Xin Xin. (2003). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Di Kelas Lukisan Kejuruteraan Sekolah Menengah Sains Muar*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.
- Mercer, C.D. & Mercer, A. R. (1998). *Teaching Student With Learning Problem*, (5th ed.), New Jersey: U.S.A. Prentice-Hall, Inc.
- Mohamed Zakaria, Z.B. (2007) *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, Utm, Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana. Tidak diterbitkan.
- Mohamad, A.H., & Wan Sulong, W.M. (2003). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab : Satu Kajian Kes Pelajar Bachelo Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. *Wacana Pendidikan Islam (Siri5)*. Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mohd Ali, A.F. (2011). *Faktor Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepas Diploma Dan Matrikulasi*. Universiti Teknologi Malaysia : Laporan Projek Sarjana. Tidak diterbitkan.

- Mohd Arif Abdul Rani. (1995). *Masalah Utama Yang Dihadapi Oleh Pelajar Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda.
- Mohd Bokti, N.L & Abu Talib Mansor. (2010). Tekanan Kerja, Motivasi, dan Kepuasan Kerja Tentera Laut Armada Tentera Laut Diraja Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 15(6): 46-62.
- Mohd Daud Hamzah. (1998). *Emosi Dalam Pembelajaran*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Jelas, Z., Rahman, S., Baki, & R., Ahmad, J. (2005). Prestasti Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan*, 30 : 93-111.
- Mohd. Majzub, R. (1998). *Memahami jiwa Dan Minda Remaja*. Selangor. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Noh Bahar. (1994). *Faktor-faktor Yang Mendorong Minat Pelajar-pelajar Di Sekolah Menengah Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda.
- Mohd Rosli, N.L & Ahmad, C.A. (2000). Learning Styles: Its Pivotal Roles for Better Instructional Strategies. *Proceedings of the International Conference on Teaching and Learning*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM. ms 1234 – 1249.
- Mohd Yusof, Y. (2002). Kajian Gaya Pembelajaran Individu Pelajar Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. *Jurnal Pendidikan*. 34(E): 9-24.
- Mok Soon Sang. (2001). *Psikologi Pendidikan untuk Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kump Budiman Sdn. Bhd.
- Ng Sook Chin. (2005) *Relationship Between Learning Styles and Understanding of Selected Chemical Concepts Among Pre-University Science Students*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Penger Sandra & Tekavcic Metka. (2009). Testing Dunn & Dunn's and Honey & Mumford's Learning Style Theories : The case of the Solvenian Higher Education System. *Journal Management*, 14(2): 1-20.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001a). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rasch, G. (1960). *Probabilistic models for some intelligence and attainment tests*. Chicago: University of Chicago Press.
- Rashid Rasidah. (2007). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Rosewell, R. (2004). *Relationship between parenting style and academic achievement and the mediating influences of motivation, goal-orientation and academic efficacy*. Akses atas talian, 28 Oktober 2011 di ProQuest Digital Dissertations. (AAT 3340755).
- Santhi Suppiah. (1998). *Satu Tinjauan Terhadap Perbandingan Strategi Belajar Bagi Pelajar-pelajar Aliran Sains Tingkatan Empat Sekolah Menengah (P) Methodish Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda.
- Sarmin Syahrulazmin. (2004). *Analisis Pendekatan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal Di Politeknik Kota Melaka*. KUiTTHO: Tesis Sarjana
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2004). *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Pahang : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Sulaiman Maslin. (2002). *Masalah Yang Dihadapi Oleh Tenaga Pengajar Atau Guru Teknikal Bukan Siswazah Terhadap Profesion Perguruan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.
- Sulaiman Ngah Razali. (2002). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ismail *et al.* (2011). *Amalan Gaya Pembelajaran Dalam Peningkatan Prestasi Akademik Di kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia : Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Tasir Zaidatun & Abu, M.S. (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.



- Taylor, B.M. & Maruyama, G. (1990). Time Spent Reading And Reading Growth. *American Educational Research Journal*, 5(3), 351-362.
- Tennant, A., & Conaghan, P.G. (2007). The Rasch Measurement Model in Rheumatology: What Is It and Why Use It? When Should It Be Applied, and What Should One Look for in a Rasch Paper? *Arthritis & Rheumatism (Arthritis Care & Research)*, 57 (8) : 1358–1362.
- Tinklin, T., Croxford. L. Frame.B., & Ducklin. A. (2000). Gender and Pupil Performance in Scotland. *The European Conference on Educational Research*. Edinburgh. <http://www//leeds.ac.uk/educol/documents/00001663.htm>.
- Tobias, C. U. (1996). “*Cara Mereka Belajar.*” Indonesia: Harvest Publishing House.
- Widad Othman. (1998). *Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan*. Nota Kuliah. Tidak diterbitkan.
- Yahaya Azizi, Abdul Karim Shareeza & Yahaya Noordin. (2003). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Di Dua Buah Sekolah Di Negeri Sembilan. Universiti Teknologi Malaysia: *National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan*. Puteri Pan-Pacific: Johor Bahru. ms 19-21.
- Yee Mei Heong. (2002). *Pola Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik di Daerah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.